



Ruj. Kami : KKM.S.400/10/2/680 ( 4 )

Tarikh : / Ogos 2025

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YB/ YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN SATU (1) UNIT KENDERAAN  
SECARA JUALAN SEBUTHARGA  
NO. SEBUT HARGA : BPK 3/2025**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, bahagian ini ingin mempelawa tuan/puan menyertai tawaran sebut harga bagi Pelupusan Kenderaan secara Jualan Sebut Harga seperti di Kenyataan Tawaran Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-27).

3. Bersama-sama ini dilampirkan dokumen berikut untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya:

- 3.1 **Kenyataan Tawaran Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-27);**
- 3.2 **Syarat dan Peraturan Sebut Harga;**
- 3.3 **Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-28);**
- 3.4 **Borang LAMPIRAN 6 — Surat Akuan Pembida;**
- 3.5 **Gambar kenderaan; dan**
- 3.6 **Senarai Semak Sebut Harga;**

4. Sebarang pertanyaan boleh hubungi Puan Munira binti Muhammad di Unit Pengurusan Aset dan Stor melalui talian 03-8892 4876 atau 018-2054914 / Puan Rohainah binti Mohd Yusoff ditalian 03-88924871 atau 019-9786694.

5. Kerjasama tuan/puan di dalam perkara di atas amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menandatangani amanah,

  
(Ts. HUSZIAN BIN HUSIN)  
Pengarah  
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

'Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab'



CERTIFIED TO ISO 9001 :2015  
CERT. NO : QMS 00428



CERTIFIED TO ISO 9001 :2015  
CERT. NO : QMS 00428

## **SENARAI EDARAN**

1. **Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)**
2. **Setiausaha Bahagian Kanan (Pembangunan)**
3. **Setiausaha Bahagian (Sumber Manusia)**
4. **Setiausaha Bahagian (Dasar dan Hubungan Antarabangsa)**
5. **Setiausaha Bahagian (Perolehan danPenswastaaan)**
6. **Setiausaha Bahagian (Kewangan)**
7. **Setiausaha Bahagian (Pengurusan Maklumat)**
8. **Setiausaha Bahagian (Akaun)**
9. **Pengarah (Pembangunan Kesihatan Keluarga)**
10. **Pengarah (Perkembangan Perubatan)**
11. **Pengarah (Amalan Perubatan)**
12. **Pengarah (Kejururawatan)**
13. **Pengarah (Pendidikan kesihatan)**
14. **Pengarah (Pemakanan)**
15. **Pengarah (Kawalan Penyakit)**
16. **Pengarah (Perkembangan Perubatan)**
17. **Pengarah (Kawal Selia Radiasi Perubatan)**
18. **Pengarah (Perancangan)**
19. **Ketua Audit Dalam**
20. **Penasihat Undang-Undang**
21. **Ketua Unit Komunikasi Korporat**
22. **Ketua Unit Integriti**

KEW.PA-27

No. Sebut harga : BPK 3/2025

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA****PELUPUSAN ASET ALIH**

**Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 7, Blok E3, Komplek E, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil	Keterangan aset	*Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	Proton Exora 1.6 Automatik Tahun Pendaftaran: 2010	WUQ 2891	1	RM 3,500.00

\* Nota : Bagi yang berkaitan sahaja.

2. Aset boleh dilihat pada **04 Ogos 2025 hingga 11 Ogos 2025** di antara jam 9.30 pagi hingga 4.00 petang di **Basement B2, Blok E3, Kementerian Kesihatan Malaysia, Komplek E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya.**
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **BPK 3/2025** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 7, Blok E3, Komplek E, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **11 Ogos 2025 jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.
6. Sebarang pertanyaan sila hubungi pegawai di Unit Pengurusan Aset dan Stor Puan Rohainah binti Mohd Yusoff ditalian 03-88924871 atau 019-9786694 / Puan Munira binti Muhammad ditalian 03-88924876 atau 018-2054914.

**PENGARAH  
BAHAGIAN PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA**

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia(Kementerian atau Jabatan).
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

**Nota : Syarat-syarat sebutharga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan**

KEW.PA-28

**BORANG SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH**

Nama Individu / Syarikat :

No. Kad Pengenalan / Pendaftaran Syarikat :

Alamat:

---

---

---

Kepada:

Pengarah  
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 3-7, Blok E3, Presint 1  
Komplek Kerajaan Persekutuan  
625590 Putrajaya

Tuan,

**Tawaran Untuk Sebut Harga No. :**

Merujuk kepada perkara di atas, saya / syarikat berminat menyertai sebut harga tersebut.

2. Tawaran saya / syarikat adalah seperti berikut:

Bil	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Tawaran (RM)	Deposit Sebut Harga
1.	PROTON EXORA 1.6 AUTOMATIK  WUQ 2985  TAHUN PENDAFTARAN: 2010	1		

3. Bersama-sama ini disertakan deposit sebut harga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah) yang bernilai RM\_\_\_\_\_ (Ringgit Malaysia \_\_\_\_\_) dalam bentuk Wang Pos / Draf Bank, No. atas nama **Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia** .

4. Saya / syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : .....

Tarikh : .....

Cap Syarikat : .....

**SURAT AKUAN PEMBIDA**  
**SEBUTHARGA PELUPUSAN SATU (1) UNIT KENDERAAN**  
**SECARA JUALAN SEBUTHARGA (BPK 3/2025)**

Saya..... No. Kad Pengenalan  
 ..... yang mewakili ..... nombor  
 Pendaftaran..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau  
 mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan Malaysia** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa--

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\* memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,


Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama : \_\_\_\_\_  
No.KP : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_  
Cap Syarikat : \_\_\_\_\_

Catatan:

- (i) \*termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) \*\*seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.


Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.  
Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.

No. Siri Pendaftaran	:	WUQ2891
No. Chassis	:	PL1FZ6YRRBF048097
No. Engine	:	S4PHQV9876





**PANDANGANN HADAPAN**



**PANDANGAN SISI**



**PANDANGAN BELAKANG**